اونيۏرسيتي مليسيا ڤهڠ
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

# PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 79 BIL 5/2023

## JADUAL PERANCANGAN PENUTUPAN BULANAN AKAUN KEWANGAN AKTIVITI PELAJAR ANJURAN BADAN PELAJAR BAGI TAHUN 2023

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

Mohon diambil perhatian dan tindakan,
khususnya kepada Majlis Tertinggi Badan Pelajar UMP.

Sukacita dimaklumkan Pemakluman Pentadbiran dan Operasi Pengurusan Pelajar Kali Ke 78 Bil.3/2023 adalah berkaitan.

Dilampirkan Jadual Perancangan Penutupan Bulanan Akaun Kewangan Aktiviti Pelajar Anjuran Badan Pelajar Tahun 2023 sebagai rujukan. Tarikh jadual ditetapkan dengan mengambil kira daripada semakan dan kelulusan dokumen, proses kerja yang lengkap serta penghantaran ke Jabatan Bendahari.

Kegagalan mengemukakan dokumen pembayaran mengikut tarikh yang telah ditetapkan akan **menyebabkan bayaran tidak dapat dibuat** pada tahun semasa. Selain itu juga, pemakluman ini untuk memastikan pematuhan arahan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti bahawa pihak Universiti dikehendaki memproses segala bayaran dalam tahun semasa bagi **mengelakkan tindakan Arahan Perbendaharaan, AP58: Tatacara Pembayaran Yang Memerlukan Kebenaran Khas (rujukan Pekeliling Bendahari Bilangan 3 Tahun 2011) dan Arahan Perbendaharaan, AP59: Ketidakpatuhan Tatacara Pembayaran (rujukan Pekeliling Bendahari Bilangan 3 Tahun 2022) dikenakan kepada pemohon.**

Sebarang pertanyaan boleh emel kepada adab@ump.edu.my.

Sekian, makluman.

**‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**

**“Memasyarakatkan Teknologi”**

Saya yang menjalankan amanah.

**DR. MOHAMAD NIZAM BIN MOHAMAD KAHAR**
**Pengarah**
**Akademi Adab UMP**
**Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni**
**Tarikh: 20 Januari 2023**

## JADUAL PERANCANGAN PENUTUPAN AKAUN BULANAN KEWANGAN AKTIVITI PELAJAR ANJURAN BADAN PELAJAR TAHUN 2023

<table>
<tr><th>PERKARA</th><th>TEMPOH PERBELANJAAN</th><th>TARIKH AKHIR SERAHAN</th></tr>
<tr><td>1. Permohonan Pesanan Tempahan (LO)<br><br>1.1. Bayaran Perbelanjaan melebihi RM1,000.00</td><td colspan="2">Permohonan LO hendaklah dibuat dan di hantar kepada pihak Akademi Adab selewat-lewatnya 14 hari SEBELUM program dijalankan bagi mengambil kira proses semakan dan kelulusan dokumen yang lengkap sebelum dihantar ke Jabatan Bendahari.<br><br>Permohonan LO perlu dilampirkan bersama dokumen sokongan seperti berikut:<br>1. 3 Sebutharga syarikat berdaftar pembekal UMP<br>2. Surat kelulusan menjalankan aktiviti<br>3. Kertas kerja dan implikasi kewangan<br>4. Sumber peruntukan yang digunakan<br><br>Tarikh akhir pengeluaran LO adalah pada 30 November setiap tahun. Oleh itu, perancangan yang komprehensif adalah perlu kerana sebarang permohonan selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.</td></tr>
<tr><td rowspan="9">2. Penghantaran segala hal berkaitan;<br>2.1. Bayaran tuntutan<br>2.2. Inbois<br>2.3. Pelarasan Pendahuluan<br>2.4. Bil-bil<br>2.5. Tuntutan Penceramah<br>2.6. Lain-lain</td><td>Perbelanjaan aktiviti bermula 01 Januari hingga 31 Januari 2023</td><td>03 Februari 2023 (Jumaat)</td></tr>
<tr><td>Perbelanjaan aktiviti bermula 01 Februari hingga 28 Februari 2023</td><td>03 Mac 2023 (Jumaat)</td></tr>
<tr><td>Perbelanjaan aktiviti bermula 01 Mac hingga 31 Mac 2023</td><td>03 April 2023 (Isnin)</td></tr>
<tr><td>Perbelanjaan aktiviti bermula 01 April hingga 30 April 2023</td><td>03 Mei 2023 (Rabu)</td></tr>
<tr><td>Perbelanjaan aktiviti bermula 01 Mei hingga 31 Mei 2023</td><td>06 Jun 2023 (Selasa)</td></tr>
<tr><td>Perbelanjaan aktiviti bermula 01 Jun hingga 30 Jun 2023</td><td>03 Julai 2023 (Isnin)</td></tr>
<tr><td>Perbelanjaan aktiviti bermula 01 Ogos hingga 31 Ogos 2023</td><td>04 September 2023 (Isnin)</td></tr>
<tr><td>Perbelanjaan aktiviti bermula 01 September hingga 30 September 2023</td><td>03 Oktober 2023 (Selasa)</td></tr>
<tr><td>Perbelanjaan aktiviti bermula 01 November hingga 31 Disember 2023</td><td>Mengikut pemakluman rasmi oleh Jabatan Bendahari UMP bagi penutupan akaun tahun semasa.</td></tr>
</table>